

05 AUG 2004
S'PURA-PELANCONGAN
PROMOSI BERGERAK ATF 2005 KE S'PURA

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 5 Ogos (Bernama) -- Forum Pelancongan Asean (ATF) 2005 yang bakal diadakan di Pulau Peranginan Langkawi, Kedah dari 21-29 Jan tahun depan dijangka menarik lebih ramai peserta berbanding forum yang telah diadakan di Laos pada tahun lepas, kata para pegawai ATF 2005 di sini.

Mereka berkata, kira-kira 400 orang pembeli dari seluruh dunia dijangka bertemu kira-kira 400 penjual dari rantau ini untuk meneroka peluang perniagaan di Asean Travel Exchange (Travex), yang merupakan acara kemuncak ATF 2005 itu.

Travex itu juga dijangka menarik penyertaan 150 wakil media pelancongan antarabangsa dan tempatan, kata mereka di majlis promosi ATF 2005 di sini.

Kira-kira 1,500 delegasi dijangka hadir di acara yang bakal diadakan selama sembilan hari di Langkawi yang bertemakan "Menganjalkan Paradigma - Memakmurkan Rantau Ini (Shifting the Paradigm - Prospering the Region)."

Anggota jawatankuasa ATF 2005 terdiri daripada Pelancongan Malaysia, Malaysia Airlines, Persatuan Hotel-Hotel Malaysian (MAH), Persatuan Agen-Agen Pelancongan Malaysia (MATTA), Persatuan Pelancongan Asean (Aseanta) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Pemangku pengurus besar Pelancongan Malaysia Mirza Mohammad Taiyab, yang mengetuai sekretarian ATF 2005 berkata, 25 peratus daripada 400 pembeli berkenaan dijangka datang dari negara-negara Asean.

Yang lain ialah dari Asia (28 peratus); Oceania (7.0 peratus); Asia Barat (10 peratus); Eropah (20 peratus); Skandinavia (5.0 peratus) dan Amerika (5.0 peratus).

Katanya, ATF 2005 itu juga akan menyaksikan ramai pembeli dari rakan-rakan dialog Asean seperti Jepun, China dan Korea Selatan.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucap tama di Persidangan Pelancongan Asean yang bakal diadakan pada 26 Jan, sempena forum itu.

Bagaimanapun, ini belum dapat dimuktamadkan lagi, kata presiden

Aseanta

Agus Salim.

Timbalan pengurus besar Majlis Tindakan Pelancongan Langkawi Shahrudin Itam, berkata Langkawi telah menarik purata 130,000 pelancong setiap bulan. di mana sebahagian besar daripada 600,000 orang pelancong asing ke pulau itu terdiri daripada rakyat Singapura.

Penolong ketua eksekutif (Antarabangsa) Lembaga Pelancongan Singapura

Dr Chan Tat Hon menyeru para pengusaha pelancongan Singapura supaya menyokong sepenuhnya forum di Langkawi kerana kejayaan ATF 2005 juga bermakna kejayaan Asean sebagai satu rantau dinamik.

Promosi bergerak ATF 2005 akan turut diadakan di Jakarta (6 Ogos); Bangkok (9 Ogos); Vientiane (10 Ogos); Yangon (12 Ogos); Phnom Penh (16 Ogos); Hanoi (18 Ogos), Bandar Seri Begawan (24 Ogos); Manila (25 Ogos) dan Medan (9 Sept).

-- BERNAMA

SS SHY AHM